

BIDANG KEPAKARAN

1. Impak Sosioekonomi
(Socioeconomic Impact)
2. Ekonomi Alam Sekitar
(Environmental Economic)
3. Kemiskinan dan Pembangunan Luar Bandar
(Poverty and Rural Development)



DR. NOR DIANA MOHD IDRIS

PROFIL

Dr. Nor Diana Mohd Idris adalah Felo Penyelidik (Pensyarah) di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau memperoleh ijazah PhD dari UKM dan ijazah Sarjana dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Dr Nor Diana pernah dijemput menjadi ahli pakar rujuk bidang impak sosioekonomi oleh Jabatan Bekalan Air Terengganu dalam Bengkel Pemurnian Draf Enakmen Sumber Air Terengganu (TESA). Dr Nor Diana juga menjadi ahli Akademik Profesor Malaysia di bawah Kluster Pertanian dan Sekuriti Makanan. Menjadi penilai dan pewartis jurnal dalam dan luar negara dalam bidang penilaian impak sosioekonomi kesan perubahan iklim dan bencana serta kesan terhadap kelestarian penghidupan masyarakat bandar dan luar bandar. Dr Nor Diana juga turut menjalankan penyelidikan berteraskan kesan perubahan iklim terhadap daya tahan dan strategi penghidupan masyarakat kearah penghidupan yang lestari. Dr Nor Diana juga menjadi penceramah jemputan bagi bidang penilaian sosioekonomi dalam Bengkel Antarabangsa mengenai Kecenderungan dan Kebolehsuaian Tanah Runtuh di Asia Tenggara: Dari Teori kepada Amalan. Sehingga kini beliau telah menerbitkan lebih daripada 50 artikel jurnal dan prosiding di platform nasional dan antarabangsa. Beliau telah terlibat dalam beberapa projek penyelidikan termasuk kesan sosioekonomi dari bahaya semula jadi, kemiskinan, pembangunan luar bandar, kelestarian penghidupan yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, UKM dan kerjasama Universiti Durham United Kingdom. Bidang kajian beliau adalah kemiskinan, kelestarian penghidupan, penilaian kerentanan dan kajian impak sosioekonomi terhadap perubahan iklim.